

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اربعينونى كمالى وىلىق سولطان اىدرىس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 41: 20 Oktober 2025

Pensyarah UPSI raih Anugerah Akademik Terbaik Bahasa Melayu 2025

Kuala Lumpur, 14 Oktober - Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr. Norliza Jamaluddin, diumumkan sebagai penerima Anugerah Akademik Terbaik Bahasa Melayu 2025.

Beliau membawa pulang cek curi bernilai RM30,000, trofi dan sijil yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir pada Majlis Anugerah Akademik Bahasa Melayu anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang berlangsung di Dewan Za'ba, KPT. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Profesor Dr. Suriani Abu Bakar, berkata kejayaan itu membuktikan komitmen UPSI dalam melahirkan sarjana yang bukan sahaja unggul dalam bidang akademik, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

"Penganugerahan ini adalah satu pengiktirafan besar kepada UPSI sebagai universiti pendidikan terunggul negara."

"Kejayaan Dr. Norliza menjadi inspirasi kepada warga akademia lain untuk terus menghasilkan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi dalam Bahasa Melayu," katanya.

Sementara itu, Dekan FBK, Profesor Madya Dr. Mazura @ Mastura Muhammad, turut menyifatkan kejayaan tersebut sebagai hasil dedikasi dan usaha berterusan Dr. Norliza dalam memperkasakan bidang linguistik dan pendidikan bahasa. "Beliau bukan sahaja seorang pendidik yang berwibawa, malah aktif dalam penyelidikan dan penerbitan yang mengangkat martabat Bahasa Melayu di peringkat global.

"Pencapaian ini menyerlahkan keunggulan FBK sebagai pusat kecemerlangan bahasa dan komunikasi," ujarnya.

Majlis Anugerah Akademik Bahasa Melayu anjuran KPT itu diadakan bagi mengiktiraf tokoh, ahli akademik, penyelidik dan institusi pengajian tinggi yang telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh serta memartabatkan Bahasa Melayu di persada nasional dan antarabangsa.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI - HONOR Bakal Bangunkan Makmal Pendidikan AI Pertama di Asia Tenggara

China, 16 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bakal membina Makmal Pendidikan Kecerdasan Buatan (AI) pertama di Asia Tenggara hasil jalinan kerjasama strategik dengan syarikat teknologi global, HONOR melalui termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU), hari ini.

bidang kecerdasan buatan (AI).

“Kerjasama ini akan menjadi pemangkin kepada transformasi pendidikan tinggi negara dengan memperkenalkan pendekatan pembelajaran berasaskan AI yang pertama seumpamanya di rantau ini.

Perjanjian yang diadakan di Ibu Pejabat HONOR, Shenzhen, China itu ditandatangani Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, manakala HONOR diwakili Presiden HONOR South Pacific, Li Jing. Turut hadir menyaksikan pementeraan MoU tersebut, Pengurus Education Malaysia Global Services (EMGS) merangkap Penasihat Khas Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie.

“UPSI berbangga menjadi universiti awam pertama di Malaysia yang menjalin kerjasama dengan syarikat teknologi antarabangsa seperti HONOR untuk membangunkan Makmal Pendidikan AI di Perpustakaan Tuanku Bainun. “Makmal ini bukan sahaja menjadi pusat latihan dan penyelidikan bagi warga UPSI, malah akan dibuka kepada komuniti luar untuk merasai pengalaman pembelajaran berasaskan teknologi masa depan,” katanya.

Menurut Prof. Dr. Md. Amin, UPSI dan HONOR akan meneroka pelbagai bidang kerjasama termasuk pengajaran dan pembelajaran digital, penyelidikan serta penerbitan bersama, pendedahan industri dan mobiliti akademik, khidmat perundingan serta penglibatan komuniti dalam

Pada majlis sama, turut menyaksikan sesi menandatangani MoU antara UPSI Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) dengan HONOR yang diwakili Pengerusi Lembaga Pengarah UHSB, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan.

UPSI cipta rekod menerusi Millenia Bubble Run sempena Hari Sukan Negara

Tanjong Malim, 15 Oktober - Semangat sukan, kesihatan dan kesejahteraan mental disatukan melalui penganjuran Millenia Bubble Run Mental Health x Malaysia Day 2025 sejauh lima kilometer di Gerbang Suria Sport City, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim pada Rabu.

lebih 2,000 peserta yang terdiri daripada warga universiti, pelajar sekolah, serta komuniti setempat.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Profesor Dr Suriani Abu Bakar berkata penganjuran Bubble Run bukan sekadar aktiviti santai, tetapi platform penting bagi meningkatkan kesedaran terhadap kesejahteraan mental melalui pendekatan fizikal yang menyeronokkan.

Acara itu berlangsung bersempena Perhimpunan Bulanan Edisi Oktober dan Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat UPSI, menghimpunkan



Program Pemindahan Ilmu Perak Sejahtera Perkasa Komuniti Muallim melalui Teknologi Hidroponik

Program Pemindahan Ilmu Perak Sejahtera yang dilaksanakan di daerah Muallim telah mencapai kejayaan cemerlang dalam memperkasa komuniti setempat melalui penguasaan kemahiran pertanian moden berasaskan teknologi hidroponik serta penerapan ilmu pengurusan kewangan berhemah dan penabungan isi rumah. Program ini merupakan inisiatif bersepadu selaras dengan Agenda Perak Sejahtera 2030 dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025, yang digubal bagi menangani isu kos sara hidup serta memperkukuh keterjaminan makanan negeri.

Melalui pendekatan inovatif “DIY Grow”, peserta bukan sahaja didedahkan kepada amalan penanaman tanpa tanah secara praktikal, malah turut dibimbing dalam aspek perancangan kewangan keluarga, strategi perbelanjaan berhemah dan pengurusan tabungan jangka panjang.

Menurut Ketua Projek, Dr. Nurhanie Mahjom, pelaksanaan inisiatif ini membuktikan bahawa usaha pemindahan ilmu berperanan besar dalam memperkukuh ketahanan sosioekonomi masyarakat melalui gabungan kemahiran teknikal dan kesedaran kewangan.

“Program ini bukan sekadar memupuk minat terhadap pertanian moden, tetapi turut mendidik masyarakat tentang pentingnya keseimbangan antara kecekapan ekonomi dan kesejahteraan hidup. Kita mahu komuniti berfikir maju, berdikari dan berdaya tahan menghadapi cabaran semasa,” katanya. Penilaian pasca program menunjukkan lebih 80 peratus peserta memperoleh kefahaman mendalam tentang strategi kewangan isi rumah, manakala 72 peratus melaporkan pengurangan kos perbelanjaan harian selepas mengaplikasikan ilmu yang diperoleh. Selain itu, 81.8 peratus peserta berjaya mengamalkan pengetahuan

yang dipelajari dan menunjukkan peningkatan aspirasi ke arah gaya hidup mampan serta kesediaan untuk berkongsi ilmu dengan komuniti.

Program ini turut melibatkan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai fasilitator komuniti, memberi mereka peluang mengasah kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan dan penyelesaian masalah dalam konteks sebenar masyarakat. Penglibatan aktif peserta dalam perbincangan dan sesi amali juga memperkukuh kefahaman terhadap teknologi hidroponik secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, Program Pemindahan Ilmu Perak Sejahtera menjadi wadah penting dalam memperkukuh kesejahteraan komuniti Muallim, selaras dengan aspirasi kerajaan negeri untuk membina masyarakat berpengetahuan, berdikari dan sejahtera mampan menjelang tahun 2030.



Tanjong Malim

Pesta Buku UPSI 2025 kali ke-20



Seri Iskandar

Naib Canselor UPSI dilantik Pengerusi Majlis IPTA Perak



China

Wacana Antarabangsa Perkukuh Pembentukan Pemimpin Global Mahasiswa UPSI



Tanjong Malim

Kembara AI Bitara Siri 2: Guru Hulu Selangor Cipta GPT Pertama di UPSI